

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[PASIR GUDANG]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah pencemaran sungai-sungai di kawasan Pasir Gudang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Tindakan penguatkuasaan ke atas punca-punca tetap pencemaran (*point source pollution*) seperti kilang dan loji kumbahan dijalankan secara berterusan bagi memastikan pelepasan efluen daripada kilang sentiasa mematuhi standard yang ditetapkan.
2. Selain itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus menjalankan pengawasan kualiti air sungai menerusi program *Environmental Quality Monitoring Programme* (EQMP).
3. Satu Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menjalankan Kajian *Loading Analysis* dan *Carrying Capacity* khusus bagi kawasan Pasir Gudang. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang masing-masing berkaitan dan kajian ini adalah merangkumi isu pencemaran sungai di Pasir Gudang.

4. MESTECC juga menerajui pelaksanaan kajian secara komprehensif dan bersepadu bersama Kerajaan Negeri Johor, Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Pendidikan Malaysia (MOE) dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) yang meliputi sungai, air bawah tanah (*groundwater*), udara dan sumber makanan (sumber akuatik).
  
5. Pembangunan sistem kumbahan dan loji rawatan air secara bersepadu yang diterajui oleh KATS dan Kerajaan Negeri Johor dalam usaha untuk dilaksanakan.
  
6. Penguatkuasaan secara bersepadu dipertingkatkan melibatkan Kerajaan Negeri Johor, JAS, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Angkatan Pertahanan Malaysia (APM). Di samping itu, Kerajaan sedang didalam usaha untuk meningkatkan keupayaan JAS Negeri Johor termasuk penubuhan Cawangan JAS Pasir Gudang. Kerjasama dengan pihak industri juga ilibatkan secara terus dan intensif bagi menangani isu pencemaran sungai di kawasan Pasir Gudang.

Sekian, terima kasih.